



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK CHAN FOONG HIN

TIMBALAN MENTERI PERTANIAN

DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ROAD TO MAHA 2026 @ SABAH

SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2026 PERINGKAT KEBANGSAAN

13 JUN 2026 (SABTU)

4.00 PETANG | PEKARANGAN STADIUM LIKAS, _

KOTA KINABALU, SABAH

Saudara Pengacara Majlis,

(Salutasi Akan Dikemaskini)

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

- Pertama sekali, saya amat bersyukur dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama saudara dan saudari di Pekarangan Stadium Likas yang bersejarah ini, dalam program Road To MAHA 2026 @ Sabah yang berlangsung sejak 11 Jun hingga hari ini, 14 Jun 2026.
- Program ini diadakan sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2026 Peringkat Kebangsaan – satu acara yang menggabungkan dua elemen penting negara: perpaduan dan pembangunan pertanian. Saya difahamkan, program berlangsung setiap hari dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam, memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk hadir selepas waktu bekerja.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- Seperti yang kita semua tahu, MAHA atau Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show merupakan ekspo pertanian terbesar di negara kita.
- MAHA 2026 akan diadakan di MAEPS, Serdang, Selangor selama 9 hari bermula 28 Ogos hingga 6 September 2026. Namun, sebelum acara mega itu tiba,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui FAMA telah merancang siri Road To MAHA di lima lokasi utama: pertama di Aman Central, Alor Setar, Kedah pada 9 – 10 Mei lalu, dan kedua di Zon Selatan di MYDIN Hypermarket Bandar Jasin Bestari, Melaka pada 23 hingga 24 Mei lepas dan kini di Sabah dan seterusnya di Zon Tengah di Klang pada 18 hingga 21 Jun nanti dan akan berakhir di Zon Pantai Timur kelak.

- Tujuan siri jelajah ini adalah untuk mendekatkan aspirasi, pengisian, dan tarikan MAHA 2026 kepada masyarakat di peringkat akar umbi, serta memberi maklumat awal kepada orang awam akan penganjuran MAHA yang akan berlangsung pada bulan Ogos dan September di Serdang nanti.
- Saya ingin menekankan disini bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang boleh didapati pada penganjuran program Road To MAHA Zon Sabah. Pertama, aktiviti Jualan Kombo Agro Madani yang menawarkan barangan keperluan pada harga berpatutan. Sepanjang empat hari, sebanyak 350 hidangan kombo disediakan setiap hari.
- Kedua, FAMA turut terlibat di pentas utama untuk penyampaian Pemberian Insentif Bantuan Geran kepada usahawan tani. Ketiga, promosi produk Mikro IAT daripada usahawan tempatan sebagai sebahagian daripada pengisian program. Ini termasuk produk-produk segar, makanan
- FAMA menyediakan produk Agromas seperti sardin, kordial, mee goreng dan biskut untuk dipamerkan di dalam Trak Pameran MAHA 2026 – sebuah inovasi bergerak yang akan mengunjungi pelbagai lokasi.
- Kelima, booth jualan produk Agromas, IAT, Food Empire, dan yang menarik perhatian ramai, Jualan KopieSatu – jenama kopi tempatan yang semakin mendapat tempat di hati pengunjung.
- Selain itu, di sekitar pekarangan ini, kita dapat melihat pelbagai aktiviti anjuran FAMA dan agensi rakan strategik seperti **Kahoot**, **teka berat buah dan bilangan buah**, **roda impian**, serta **teka berat beras** oleh IADA, **teka berat ikan** oleh LKIM, **jualan buku dan Greenkit MARDI**, serta **Pocket Talk** daripada Agrobank dan agensi lain.

Hadirin yang dikasihi,

- Sepanjang 11 hingga 14 Jun ini, para pengunjung dapat menikmati **Pavilion MAHA 2026** yang menampilkan kluster-kluster menarik seperti **Kingdom of Agrofood (Fruit of Event)**, **AgriBusiness**, **Laman Padi**, **Inovasi Tanaman Bawang**, dan **Ternakan**.
- Ini adalah *showcase* awal kepada apa yang akan dipamerkan secara lebih besar di MAEPS nanti. Selain itu, terdapat aktiviti galakan pengunjung seperti **mencanting batik**, **pertandingan mewarna**, **puzzle**, **teka berat**, dan kuiz interaktif **Kahoot** – sesuai untuk seisi keluarga.
- Saya juga ingin menarik perhatian kepada **Jualan Agro Madani** yang menawarkan **Kombo JAM** sebanyak 350 unit setiap hari, selain **Jualan Happy Hour** dan **Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan** serta hasil ternakan. Kempen ini penting bagi memupuk tabiat pemakanan sihat dalam kalangan masyarakat, sekaligus menyokong pengusaha buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan Sabah.

Hadirin sekalian,

- Saya difahamkan, pada program ini kita telah menetapkan **sasaran bilangan pengunjung sebanyak 50,000 orang sepanjang empat hari** dengan **nilai jualan dijangka mencecah RM200,000**. Sebanyak **20 usahawan tempatan** terlibat. Saya turut difahamkan, setakat hari ketiga, sasaran ini berada pada Saya ingin mengajak semua yang hadir untuk memanfaatkan sepenuhnya program ini.
- **Pertama**, luangkan masa melawat setiap booth dan pavilion. **Kedua**, beli produk usahawan tempatan – setiap ringgit yang dibelanjakan adalah sokongan kepada ekonomi keluarga Sabah. **Ketiga**, sebarkan maklumat tentang MAHA 2026 kepada saudara-mara dan rakan-rakan di seluruh Sabah. **Keempat**, rancang untuk hadir ke MAEPS, Serdang pada 28 Ogos hingga 6 September 2026. Saya jamin, pengalaman di MAHA 2026 akan lebih besar dan lebih bermakna.
- Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga FAMA, serta jabatan/agensi persekutuan dan negeri seperti IADA, LKIM, MARDI, Agrobank, dan lain-lain yang telah bekerjasama menjayakan program ini. Juga, ucapan terima kasih kepada pihak **Stadium Likas** dan kerajaan negeri Sabah atas sokongan padu.

Hadirin yang saya hormati,

- Dengan ini, saya dengan penuh sukacita **merasmikan Program Road To MAHA 2026 @ Sabah** sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2026 Peringkat Kebangsaan.

- Sekian, terima kasih. Selamat sejahtera.